

12 DEC 1996

Negara-Bahas

JAWATANKUASA KHAS DICADANG UNTUK NILAI MUTU SIARAN

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Satu jawatankuasa khas di peringkat kementerian perlu ditubuhkan segera untuk menilai kandungan dan mutu bahan siaran untuk televisyen radio, kata Senator Datuk Ibrahim Ali.

Jawatankuasa itu perlu diwujudkan sekarang kerana menurutnya, banyak rancangan RTM dan program TV1 kini "berkecamuk" dan terlalu mementingkan unsur komersial.

"Bahan-bahan siaran yang ada sekarang juga tidak berkualiti dan amat sedikit yang mempunyai unsur pendidikan, pengetahuan, maklumat serta mesej yang berguna," katanya semasa membahaskan Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996 di Dewan Negara di sini hari ini.

Ibrahim memberi contoh siri drama televisyen seperti "Pendekar" keluaran syarikat penerbitan drama televisyen HVD Sdn Bhd yang dianggapnya lebih banyak mempunyai unsur tahyul dan tidak realistik untuk diterima akal.

Katanya walaupun drama itu bertujuan untuk membentuk sebuah masyarakat yang berbudaya dengan menengahkan unsur seni persilatan tetapi ia lebih banyak dicemari adegan yang direka-reka.

Beliau berkata Kementerian Penerangan juga perlu memperbanyakkan siaran dokumentari sama ada menerbitkan sendiri atau dengan menyiarkan drama dokumentari terbitan syarikat asing seperti siaran dokumentari "Discovery" yang disiarkan oleh Mega TV.

Ibrahim juga mencadangkan agar RTM menerbitkan sebuah drama dokumentari mengenai kehidupan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang pemimpin unggul yang kini terkenal dan amat dihormati di peringkat antarabangsa.

Drama mengenai Dr Mahathir ini bukanlah bertujuan menonjolkan beliau sebagai seorang Perdana Menteri tetapi lebih untuk menjadikan beliau sebagai sumber inspirasi dan motivasi kepada generasi muda mengenai kegigihan, keberanian, keupayaan, kualiti diri dan kepimpinannya yang begitu menyerlah, kata Ibrahim.

"Sekiranya pihak luar seperti majalah Times dan Far Eastern Economic Review boleh menulis mengenai Dr Mahathir mengapa tidak RTM," katanya.

Ibrahim juga mencadangkan supaya siaran Berita Perdana yang pada masa ini disiarkan pada 8 malam setiap hari diubah ke 10 malam bagi membolehkan lebih ramai orang mengikutinya.

"Jika dikaji, kebanyakan orang khususnya orang Islam yang menunaikan solat Maghrib di masjid akan terus menunggu sehingga Isyak yang biasanya melepasi pukul 8. Orang juga semakin lewat pulang ke rumah kerana sibuk menyelesaikan tugas di pejabat, jadi waktu yang sesuai untuk mengikuti siaran berita ialah antara 10 malam dan 10.30 malam," katanya.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Suleiman Mohamed ketika menggulung perbahasan berkata Filem Negara sedang menyiapkan filem dokumentari sebahagian daripada peristiwa penting yang dilakukan oleh Dr Mahathir.

"Usaha ini cukup baik dan penting kepada rakyat dan negara," kata beliau.

Suleiman berkata bagi mengelak anak muda dipengaruhi budaya tidak diingini menerusi siaran televisyen, kerajaan telah menetapkan empat peringkat tapisan iaitu di stesen televisyen itu sendiri, di peringkat pembekalannya, oleh ibu bapa dan Lembaga Penapis Filem.

Beliau juga berkata kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan lesen radio dan televisyen sebanyak RM24 setahun.

Ini kerana kadar yang dikenakan itu sangat rendah dan tidak akan membebankan rakyat, kata beliau.

Dewan Negara akan bersidang lagi Isnin ini -- BERNAMA

HT MAI